



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	6/4/2017	MUKA SURAT	:	44
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bantah resolusi EU label sawit punca hutan musnah

Putrajaya: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) kecewa dengan resolusi Kesatuan Eropah (EU) dalam melabelkan produk sawit dan mengaitkan industri berkenaan dengan kemusnahan hutan.

Menterinya Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, Malaysia membantah sekeras-kerasnya resolusi terbabit yang dilihat memberi kesan negatif kepada import minyak sawit ke negara utama seperti di Eropah.

“Resolusi ini keputusan berat sebelah dan boleh memusnahkan industri minyak sawit kerana EU melihat pembangunan industri itu sebagai punca utama kemusnahan hutan dan perubahan iklim.

“Saya akan ke Indonesia minggu depan untuk menangani isu ini dengan menteri di sana kerana Malaysia dan Indonesia bersama menyumbang 85 peratus daripada pengeluaran minyak sawit global,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, resolusi berkenaan menyatakan kelapa sawit tertakluk kepada pensijilan mampan manakala minyak sayuran yang dihasilkan tidak tertakluk kepada pensijilan terbabit malah ia akan menghentikan minyak sawit daripada program bahan api bio EU menjelang 2020.

Siew Keong berkata, Malaysia sedia bekerjasama dengan Indonesia untuk pergi ke Parlimen EU bulan depan bagi membawa isu ini kepada penggubal undang-undang dan pesuruhjaya di sana.

“Selain itu, kita akan bekerjasama dengan Kementerian Luar dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk melihat semula sama ada resolusi terbabit melanggar peruntukan di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO),” katanya.